

- 1** Apakah tujuan perniagaan Organisasi Bukan Bermotifkan Untung?
- A Menjual barang untuk ekonomi bidangan
 - B Meningkatkan perkhidmatan Ali Cleaning Service
 - C Meningkatkan perkhidmatan kepada pihak awam
 - D Menambah cawangan perniagaan baharu
- 2** Apakah ciri perniagaan milikan Perkongsian Liabiliti Terhad?
- A Ahli 1 hingga 20 orang
 - B Tidak perlu isytihar laporan kewangan
 - C Liabiliti tidak terhad
 - D Hayat tidak berterusan
- 3** Manakah ciri perniagaan milikan Berhad?
- A Pemegang syer terendah adalah pemilik perniagaan
 - B Membayar cukai persendirian
 - C Menjual saham dalam kalangan ahli sahaja
 - D Kebebasan jualan pegangan syer
- 4** Syarikat Gardenia telah meluaskan perniagaan ke seluruh Malaysia.
Apakah klasifikasi perniagaan tersebut?
- A Skala Domestik
 - B Skala Antarabangsa
 - C Sektor Utama
 - D Sektor Tertier

[Lihat halaman sebelah
SULIT

5 Pernyataan berkaitan sebuah perniagaan.

Kim Jong Kok Kurier Servis menjalankan perniagaan di Bandar Tampoi dengan pekerja seramai 25 orang.

Apakah saiz perniagaan di atas?

- A Besar
- B Kecil
- C Sederhana
- D Tempatan

6 Antara langkah berikut, manakah langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah pengangguran kitaran?

- A Melaksanakan dasar fiskal dan kewangan
- B Memberi insentif kepada perniagaan
- C Kerajaan perlu peka dengan perubahan global
- D Galakan penggunaan mesin dalam pengeluaran

7 Mengapakah berlaku deflasi dalam kitaran ekonomi?

- A Kenaikan kos pengeluaran
- B Pengguna mempunyai banyak wang
- C Rakyat meramal kejatuhan harga barang
- D Kenaikan permintaan barang

8 Apabila berlaku peningkatan penawaran wang dalam sesebuah negara, apakah trend semasa perniagaan?

- A Melambung
- B Mendatar
- C Meningkat
- D Meleset

[Lihat halaman sebelah

- 9** Mengapakah berlaku trend menurun dalam persekitaran perniagaan?
- A Sumber manusia profesional
 - B Penggunaan teknologi tinggi
 - C Gaya pengurusan autokratik
 - D Pemasaran tidak berkesan
- 10** Manakah antara berikut akan mempengaruhi perbelanjaan kerajaan dan aktiviti pelaburan?
- A Dasar fiskal
 - B Dasar kewangan
 - C Dasar ekonomi
 - D Dasar kerajaan
- 11** Apakah jenis gaya pengurusan yang terlalu memberi ruang kebebasan kepada pekerja?
- A Sokongn
 - B Laissez- faire
 - C Sederhana
 - D Autokratik
- 12** Apakah langkah yang digunakan oleh perniagaan untuk meningkatkan permintaan pengguna?
- A Bayaran KWSP dan bonus
 - B Bayaran SOCSO kepada pekerja
 - C Pemasaran secara umum
 - D Penggunaan teknologi maklumat

- 13** Kepelbagaian kaum dan perayaan dalam sesebuah negara dapat meningkatkan permintaan terhadap barang.

Apakah faktor luaran perniagaan berkaitan pernyataan itu?

- A Pemasaran
- B Sosiobudaya
- C Politik
- D Undang-undang

- 14** Pernyataan berkaitan objektif perniagaan.

Bagi mencapai objektif perniagaan, organisasi perlu mengurus semua sumber dengan optimum dan mencukupi.

Apakah ciri objektif perniagaan yang tepat bagi pernyataan di atas?

- A Munasabah
- B Spesifik
- C Boleh ukur
- D Boleh dicapai

- 15** Mengapa pihak pertengahan perniagaan mesti memahami visi, misi dan objektif perniagaan?

- A Mengira titik pulang modal
- B Memaksimumkan keuntungan
- C Memastikan pertumbuhan perniagaan
- D Membahagi sumber perniagaan

- 16** Apabila keuntungan perniagaan tidak berkembang, apakah perubahan yang boleh dilakukan kepada visi dan misi syarikat?

- A Menarik pelabur baharu melalui dalam pasaran
- B Mengetatkan syarat pinjaman oleh Bank Negara
- C Penggunaan teknologi maklumat secara optimum
- D Mencari pembekal baharu yang berdekatan

[Lihat halaman sebelah

17 Mengapakah kawalan awalan amat penting dalam proses pengeluaran?

- A Kawalan pencegahan bahan mentah tidak berkualiti
- B Kawalan pengesanan kesilapan pengeluaran
- C Pembetulan pengeluaran dengan segera
- D Kawalan standard piawai produk

18 Pernyataan berkaitan fungsian perniagaan.

Ali telah membeli barang secara online pada tiga minggu lepas. Beliau sangat berpuas hati dengan layanan yang dibuat semasa membuat tempahan.

Apakah fungsian yang berkesan dalam proses jualan itu?

- A Pemasaran
- B Khidmat pelanggan
- C Pentadbiran
- D Jualan

19 Bagaimanakah teknologi maklumat membantu perniagaan Muthu Cleaning Servis?

- I Menyedia perakaunan perniagaan
- II Memotivasi kehadiran pekerja
- III Melancarkan penghantaran servis
- IV Membuat jualan yang meluas

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

[Lihat halaman sebelah

20 Apakah hubungan antara syarikat kecil dengan syarikat besar dalam urusan kewangan?

- I Penghantaran nota debit
 - II Penghantaran invois setelah menerima barang
 - III Perkongsian akaun syarikat
 - IV Menerima resit jualan setelah berlaku pembelian
-
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

21. Pernyataan manakah menunjukkan maksud pengurusan sumber manusia.

- A. Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi
- B. Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi
- C. Satu pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
- D. Satu usaha mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu

22. Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Encik Aidil, Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Seroja Sdn. Bhd. telah mengeluarkan notis kepada semua pekerja untuk memakai pelitup muka dan mengamalkan jarak fizikal mulai 1 Januari 2021.

Apakah aspek pengelolaan yang diamalkan oleh Encik Aidil?

- A. Penyelesaian masalah
- B. Penghargaan dan hukuman
- C. Penempatan pekerja dan fasiliti
- D. Standard prosedur operasi tugas

[Lihat halaman sebelah

23. Perbualan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkerjaan.

Winnie : Temuduga saya di Bank Novy Bhd. semalam gagal kerana saya baharu sahaja menerima diploma perbankan di UITM.
Zain : Kalau begitu, cuba memohon kerja di tempat kerja saya di Open Bank Bhd. Kami memerlukan tenaga kerja yang baharu saja tamat pengajian.

Apakah kemahiran kebolehkerjaan yang diperlukan oleh kedua-dua bank tersebut?

	Bank Novy Bhd	Open Bank Bhd
A	Kelayakan	Pengetahuan produk
B	Pengalaman	Kelayakan
C	Pengetahuan produk	Keberkesanan capai sasaran
D	Keberkesanan capai sasaran	Pengalaman

24. Apakah tujuan mengurus sumber teknologi dalam operasi sesebuah perniagaan?

- A. Mengurus harta intelek
- B. Menjaga nama baik perniagaan
- C. Menyelenggara peralatan mesin
- D. Melindungi keselamatan pekerja

25. Mengapa Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (PERODUA) harus menguruskan makmal ujian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan baik?

- A. Mencegah daripada ancaman cetak rompak
- B. Menghasilkan keuntungan jangka masa yang singkat
- C. Mengelakkan kerugian akibat suatu risiko yang boleh diinsuranskan
- D. Memudahkan pengurusan sumber manusia dan sumber bukan manusia

[Lihat halaman sebelah

26. Gambar 1 menunjukkan poster pelancaran produk keluaran di Malaysia.



Gambar 1

Bagaimanakah cara syarikat tersebut melindungi produk mereka?

- A. Mendaftar paten hasil filem mereka
- B. Mendaftar filem di bawah Akta Hak Cipta 1987
- C. Mendaftar filem di bawah Akta Syarikat 2016
- D. Mendaftar filem dengan pendaftar syarikat

27. Berikut merupakan huraihan sumber pembiayaan bagi dua jenis sumber pembiayaan.

- Tidak menawarkan pinjaman
- Memberi jaminan agar pengusaha boleh diberi pinjaman
- Memantau perniagaan yang dikendalikan oleh pengusaha

Namakan agensi kerajaan yang mempunyai ciri-ciri di atas.

- A. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- B. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC)
- C. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- D. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

[Lihat halaman sebelah

28. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sumber pembiayaan dalaman?

- I Modal terhad
 - II Urusan pembiayaan cepat dan ringkas
 - III Tertakluk kepada terma dan syarat
 - IV Modal tidak terhad
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29. Pilih susunan yang tepat untuk memohon sumber pembiayaan luaran.

- I Menyediakan dokumen yang lengkap
 - II Mendapatkan khidmat nasihat pegawai institusi kewangan
 - III Menandatangani kontrak dengan institusi kewangan
 - IV Menyediakan rancangan perniagaan
-
- A. I, IV, II, III
 - B. III, IV, I, II
 - C. IV, II, I, III
 - D. II, IV, I, III

30. Apakah yang dimaksudkan dengan Penyata Kunci Kira-kira?

- A. Penyata yang menunjukkan keuntungan atau kerugian yang diperoleh perniagaan bagi suatu tempoh tertentu
- B. Penyata berbentuk laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan bagi suatu tempoh tertentu
- C. Penyata yang menunjukkan ekuiti pemilik, harta dan hutang perniagaan bagi suatu tempoh tertentu
- D. Penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan dana bagi suatu tempoh tertentu

[Lihat halaman sebelah

- 31.** Antara yang berikut yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pembekal?
- Meyakinkan pihak tertentu untuk melabur dalam perniagaan
 - Mengetahui keuntungan perniagaan dan bakal pulangan yang diperoleh
 - Menilai prestasi perniagaan dan menjadi garis panduan untuk perancangan pengagihan sumber yang berkesan
 - Menilai keupayaan dan kecekapan dalam pengurusan hutang sebelum memberi kredit kepada perniagaan
- 32.** Apakah nisbah yang menunjukkan kemampuan perniagaan menjelaskan liabiliti jangka pendek?
- Nisbah Untung
 - Nisbah Semasa
 - Nisbah Kecekapan
 - Peratusan Untung Tokokan
- 33.** Berikut adalah maklumat kewangan Syarikat Bumi Emas Berhad bagi tahun berakhir 2020.

Butiran	RM
Untung Kasar	50 000
Untung bersih	30 000
Modal awal	250 000
Modal akhir	325 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal bagi syarikat tersebut?

- 20.0 %
- 15.3 %
- 12.0 %
- 9.2 %

[Lihat halaman sebelah

34. Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Chan.

Encik Chan adalah seorang pengusaha kebun sayur telah mencipta satu alat mudah untuk menyemai biji benih dengan cepat dan mudah.

Apakah ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Chan?

- A. Kreatif
- B. Inovatif
- C. Berpandangan jauh
- D. Berani mengambil risiko

35. Antara berikut, yang manakah keberuntungan perniagaan kepada usahawan?

- I Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - II Mendapat sumber manusia yang pakar dan berpengalaman
 - III Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - IV Sumber pendapatan diri dan keluarga
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36. Perniagaan manakah yang perlu didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- A. Kejora Berhad
- B. Klinik Pergigian Muis & Syah
- C. Syarikat Alamanda Sdn. Bhd
- D. Perniagaan Top One PLT

37. Dokumen X disimpan oleh Kedai Alat Tulis Borhan untuk tujuan perekodan.

<p style="margin: 0;">Dokumen X</p> <p style="margin: 0;">Kedai Alat Tulis Borhan</p> <p style="margin: 0;">No. 12, Jalan Anggerik 1,Bandar Tenggara, 81440 Kulai, Johor</p> <p style="margin: 0;">07-896 1111</p> <p style="margin: 0;">Tarikh : 25 September 2021</p> <p style="margin: 0;">Kepada : Pengurus Akaun</p> <p style="margin: 0;">Pemilik mengeluarkan wang tunai sebanyak RM 250 untuk kegunaan anak.</p> <p style="margin: 0; text-align: right;"><i>Borhan.</i> (Pengurus)</p>
--

Dokumen X

Tentukan jenis dokumen dan pengelasan bagi dokumen tersebut.

	Dokumen	Pengelasan
A	Resit	Rekod kos operasi
B	Memo	Rekod ambilan
C	Baucer pembayaran	Rekod kos operasi
D	Bil Tunai	Rekod transaksi bank

38. Apakah maksud pemasaran?
- Kaedah yang berkesan menyalurkan produk
 - Aktiviti pertukaran hak milik sesuatu produk
 - Bayaran yang perlu dibayar untuk memiliki produk
 - Memilih tempat yang sesuai untuk memasarkan produk

[Lihat halaman sebelah

- 39.** Rancangan perniagaan merujuk kepada
- A. Dokumen yang menentukan matlamat dan sasaran perniagaan
 - B. Dokumen yang menjelaskan maklumat asas berkaitan perniagaan yang dijalankan
 - C. Dokumen yang memberi gambaran ringkas yang spesifik berkaitan keseluruhan perniagaan
 - D. Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan secara menyeluruh dan terperinci
- 40.** Semua pernyataan di bawah berkaitan dengan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan **kecuali**
- A. Merancang keperluan sumber perniagaan
 - B. Memberi gambaran perniagaan berdaya saing atau tidak
 - C. Mengekalkan kesetiaan pelanggan terhadap produk
 - D. Meyakinkan pihak bank atau pelabur

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT